

## Bendalir Brek

Jangan tambah atau menggantikan bendalir brek, kecuali dalam keadaan kecemasan. Gunakan hanya bendalir brek yang segar dari bekas yang termeterai. Jikalau anda benar-benar telah membuat tambahan cecair brek, sila berjumpa dengan wakil pengedar sah anda untuk melakukan servis pada sistem brek secepat mungkin.

### NOTIS

Bendalir brek boleh merosakkan plastik dan permukaan bercat.  
Sila bersihkan dengan teliti jikalau berlaku tumpahan cecair brek.

### Bendalir brek yang disyorkan:

Bendalir brek Honda DOT 3 atau DOT 4 atau yang setimpal

## Cecair Penyejuk Yang Disyorkan

Guna hanya cecair penyejuk HONDA PRE-MIX COOLANT yang tulen tanpa bercampur dengan air. HONDA PRE-MIX COOLANT yang tulen adalah sangat berkesan untuk mengelakkan hakisan dan kepanasan yang melampau. Cecair penyejuk seharusnya diperiksa dan digantikan dengan mengikut jadual penyelenggaraan dengan baik. ➤ MS. 70

### NOTIS

Menggunakan cecair penyejuk yang tidak khas untuk enjin aluminium atau air paip/air mineral akan menyebabkan fenomena hakisan.

## Pengudara Kotak Engkol

Servis dengan lebih kerap apabila menunggang dalam keadaan hujan, pada pendikit penuh atau selepas skuter dibasuh atau terbalik. Lakukan servis jikalau tahap kekotoran boleh dinampak di bahagian lutsinar tiub saluran. Jikalau tiub saluran melimpah, penapis udara mungkin akan dicemari oleh minyak enjin dan menyebabkan prestasi enjin yang teruk. ➤ MS. 102